

Jabatan Perkhidmatan
Awam,
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Jalan Sultan Hishamuddin,
Kuala Lumpur.

18hb. Oktober, 1971.

Tuan,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.14 TAHUN 1971

Sewa bilik di-asrama atau mes.

Saya di-arah menarek perhatian kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13 Tahun 1971](#) yang menggantung (suspend) peratoran2 yang di-nyatakan dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12 tahun 1971](#) mengenai kadar bayaran sewa bagi pekerja2 yang mendudoki asrama atau mes sahingga kadar2 yang berpatutan di-tetapkan.

Sewa bilik di-asrama2

2. Ada-lah di-putuskan bahawa sewa bagi sa-suatu bilik kediaman di-asrama2 ia-lah saperti berikut:-

(i) \$7.50 sa-bulan saorang bagi pekerja2
saperti Jururawat;

(ii) \$5.00 sa-bulan saorang bagi pekerja2
saperti Pembantu Jururawat.

Sewa bilek di-mes2

3. Bagi pekerja2 yang mendudoki mes2 kadar sewa sa-suatu bilek kediaman ada-lah saperti berikut:-

(a) **Mes pegawai kanan termasuk Mes Inspekter**

\$7.50 sa-bulan saorang

(b) **Mes pegawai rendah**

\$5.00 sa-bulan saorang

4. Jika sasuatu bilek itu di-kongsi oleh beberapa orang maka kadar bayaran sewa bagi sa-saorang bergantung kepada bilangan orang yang berkongsi sa-sabuah bilek itu. Apabila satu bilek asrama atau mes di-kongsi oleh dua orang pekerja, tiap2 pekerja akan membayar ha-nya satengah daripada kadar sewa sa-suatu bilek itu. Jika bilek itu di-kongsi oleh 3 orang, saorang di-kehendaki membayar satu par tiga daripada kadar sewa sa-suatu bilek itu.

5. Kadar2 sewa yang di-sebutkan di-atas ada-lah semata2 bagi bayaran sewa bilek asrama atau mes sahaja. Jika sekira-nya ada lain2 bayaran bagi kemudahan2 yang di-sediakan di-asrama2 atau mes2 itu kadar2 bayaran itu tidak berubah dan hendak-lah terus di-kutip saperti biasa.

Pelarasan Bayaran Sewa

6. Bagi pekerja2 yang telah membuat bayaran sewa bilek menurut kadar yang di-bekalkan dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12/71](#), apa2 jumlah bayaran berlebehan yang telah di-buat oleh pekerja2 itu boleh-lah di-selaraskan (adjust) sebagai bayaran untok bulan2 akan datang.

Tarikh kuatkuasa

7. Kadar bayaran sewa sebagaimana di-nyatakan di-perenggan 2 dan 3 di-atas ada-lah berkuatkuasa mulai daripada 1hb bulan berikutan dengan tarikh sa-saorang pekerja iu memulangkan borang pilihan sendiri yang telah di-penohi-nya.

Saya yang menurut perintah,

(MOHD, ZAKI BIN MOHAMED)

Bahagian Gaji,

b.p. Ketua Pengarah

Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Ketua Setiausaha2/Setiausaha2 Kementerian.

Ketua2 Jabatan Persekutuan.

s.k. Yang Berhormat, Setiausaha2 Kerajaan Negeri, Malaysia Barat.

